

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(II)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

10. Penternak khinzir di seluruh Pulau Pinang harus menaik taraf kepada Penternak *Close House System*.
- (a) Bilakah ia akan dilaksanakan? Di mana penternak masih diberi tempoh masa berapa lama untuk menaik taraf?
 - (b) Apakah bantuan daripada Kerajaan Pulau Pinang bagi membantu para penternak menukar dari penternak tradisi kepada penternak *Close House System*?

**YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. (a) Dewan Undangan Negeri (DUN) telah meluluskan Enakmen Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang pada 24 November 2016. Enakmen ini mewajibkan penternak untuk menaik taraf ladang sedia ada kepada *Modern Pig Farming* (MPF) yang mengamalkan konsep ladang tertutup (*Close House System*). Sehubungan itu, penternak diberi masa daripada November 2016 sehingga 31 Disember 2019 bagi tujuan pematuhan. Penguatkuasaan akan dilaksanakan pada 1 Januari 2020 dan tindakan akan diambil kepada penternak yang tidak menaik taraf kepada MPF selepas tamat tempoh tersebut.
- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang membantu 182 penternak khinzir secara tradisi yang telah berdaftar untuk menaik taraf kepada *Close House System* melalui pendekatan berikut :
- (i) Memberikan pengecualian Pelan Kebenaran

Merancang;

- (ii) Pengecualian syarat tukar guna tanah daripada pertanian kepada industry;
- (iii) Pengecualian daripada dikenakan *universal design* seperti kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU), parkir dan landskap; dan
- (iv) “Bayaran dinaikkan” iaitu penalti terhadap pengusaha yang menaik taraf tanpa kebenaran, tidak dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.